

Padah berjudi guna telefon pintar, lelaki didenda RM10,000 dan penjara sehari

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM10,000 dan penjara sehari terhadap seorang lelaki yang mengendalikan mesin perjudian berupa sebuah telefon pintar.

Majistret Leona Dominic Mojiliu memerintahkan Syed Fazilah Wan Sahak, 41, untuk dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Tertuduh mengaku bersalah apabila dituduh mengikut Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka (ARJT) 1953.

Seksyen berkenaan membawa hukuman denda minimum RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 bagi setiap mesin judi dirampas dan boleh dijatuhi hukuman

penjara tidak melebihi lima tahun jika sabit kesalahan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 2 petang pada 29 April 2026 di hadapan sebuah kedaimakan di sini.

Fakta kes mendedahkan polis semasa Ops Dadu menyerberu premis terbabit kerana mengesyaki terdapat kegiatan perjudian dalam talian dan kemudiannya menangkap tertuduh, selain merampas sebuah telefon pintar.

Hasil siasatan mendapati tertuduh terlibat dalam aktiviti permainan judi dengan menggunakan telefon pintar miliknya melalui aplikasi khas perjudian dalam talian yang dimuat turun ke dalam telefon tersebut.

Permainan itu berkonsep-

kan 'game of chance' dan tidak memerlukan kemahiran.

Siasatan lanjut juga mendapati mata perjudian dibeli daripada penganjur pada kadar RM1 bagi setiap mata sebelum digunakan dalam pelbagai permainan judi dalam aplikasi berkenaan.

Mata yang berjaya digandakan kemudiannya boleh ditukar semula kepada wang tunai sebagai hadiah.

Selain itu, analisis pakar judi terhadap telefon pintar milik tertuduh turut mengesahkan terdapat elemen perjudian dalam talian melalui aplikasi terbabit.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suri-ani sementara tertuduh tidak diwakili peguam.